

Reka Bentuk dalam Perniagaan: Reka Bentuk sebagai Instrumen Pemasaran

BAHAGIAN A

3.1 Menyatakan Maksud Pemasaran

- 1 Aktiviti yang menyalurkan barang dan perkhidmatan daripada pengeluar kepada pengguna adalah...
- A permintaan C pertukaran
B pemasaran D penawaran
- 2 Dua pihak yang terlibat dalam aktiviti pemasaran adalah...
- I pengeluar III pengusaha
II pengguna IV pembekal
A I dan II C II dan III
B I dan III D III dan IV

3 Pengguna membeli produk untuk kegunaan sendiri.

Pengguna di atas merujuk kepada...

- A pengguna peribadi
B pengguna akhir
C pengguna organisasi
D pengguna isi rumah

3.2 Menerangkan Peranan Reka Bentuk dalam Pemasaran

- 4 Yang berikut adalah peranan reka bentuk dalam pemasaran kecuali...
- A memenuhi keperluan dan kehendak pengguna
B saluran komunikasi pengeluar kepada pengguna
C menyimpan produk di tempat yang bersesuaian
D mengukuhkan penjenamaan sesuatu produk

5 Pengguna membeli dan menggunakan sesuatu produk untuk memudahkan urusan harian mereka.

Penyataan di atas merujuk kepada...

- A fungsi produk
B reka bentuk produk
C nilai produk
D trend terkini

6 Yang manakah antara yang berikut merupakan nilai tambah kepada suatu reka bentuk produk?

- I menarik III selesa
II unik IV harga
A I, II, dan III
B I, II, dan IV
C I, III, dan IV
D I, II, III, dan IV

7 _____ terhadap sesuatu produk akan diperoleh apabila pengguna mendapat faedah daripada penggunaannya.

- A Trend
B Output
C Nilai
D Ideniti

8 Pemberian jenama kepada sesuatu barang yang dihasilkan.

Penyataan di atas adalah pengenalan diri produk yang merujuk kepada...

- A dikenali.
B kebolehpercayaan.
C kesetiaan.
D penjenamaan.



Penjenamaan produk di atas merujuk kepada...

- A bentuk nama
B bentuk cap dagangan
C bentuk cap
D bentuk persendirian

3.3 Mengenal Pasti Kaedah Reka Bentuk Pengiklanan

10 Manakah antara yang berikut adalah kaedah reka bentuk pengiklanan?

- I matlamat produk
II demonstrasi
III gambar pegun
IV jualan langsung
A I, II, dan III
B I, II, dan IV
C II, III, dan IV
D I, II, III, dan IV

11 Puan Naimah menunjukkan demonstrasi masakan menggunakan serbuk rempah Pak Ali di kaca televisyen.

Kaedah reka bentuk pengiklanan yang digunakan adalah...

- A kenyataan merangsang.
B perbandingan.
C penyampaian fakta.
D demonstrasi.

12 Lembaran maklumat secara terperinci dan diedarkan oleh agen syarikat sesuatu produk.

Media pengiklanan di atas merujuk kepada...

- A poster
B brosur
C katalog
D helaian edaran